



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 21 November 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN

Sasar tingkat jualan
15 peratus bagi
produk tempatan
khususnya IKS
dan PMKS

Oleh LIZA MOKHTAR
SUBANG JAYA

Mydin Mohamed Holdings Bhd (Mydin) meneruskan komitmen memperkasa produk tempatan menerusi kempen Lokal Lagi Gempak bersempena Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) 2025 dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

Kempen itu menawarkan pelbagai promosi dan aktiviti menarik bertujuan menggalakkan pengguna menyokong dan membeli produk tempatan selain memperkukuh kedudukan usahawan tempatan di pasaran runcit.

Pengarah Urusan Mydin, Datuk Dr Ameer Ali Mydin berkata, usaha memartabatkan produk tempatan menjadi se-

bahagian keutamaan perniagaan syarikat.

"Kami memberi peluang sama rata kepada semua usahawan tempatan tanpa mengira saiz perniagaan.

"Yang penting kualiti produk dan kemampuan memenuhi permintaan pelanggan," katanya ketika majlis pelancaran kempen Lokal Lagi Gempak yang disempurnakan Timbalan Menteri KPDN, Datuk Dr Fuziah Salleh di Mydin Subang Jaya pada Khamis.

Menurut Ameer, dengan objektif meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kualiti dan nilai produk tempatan, pihaknya turut menyasarkan peningkatan jualan 15 peratus bagi produk tempatan khususnya dalam kalangan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS).



Fuziah (kiri) dan Ameer (kanan) melancarkan kempen Lokal Lagi Gempak di Mydin Subang Jaya pada Khamis.

Sementara itu, Fuziah berkata, inisiatif di bawah KBBM ini membuktikan komitmen Mydin membantu kerajaan memperluas capaian dan kebolehpasaran

produk tempatan.

"Selain menyediakan ruang pasaran, Mydin juga berperanan sebagai saluran komunikasi dan promosi berkesan dalam me-

ngetengahkan produk tempatan kepada pengguna, sekaligus menyokong usahawan tempatan menembusi pasaran lebih luas," katanya.

Menurutnya, sejajar dengan usaha tersebut, KBBM 2025 diteruskan melalui kerjasama strategik bersama 18 rakan industri termasuk pasar raya besar serta tiga platform e-dagang.

"Kerjasama ini menjadi kesinambungan kepada sokongan diberikan sebelum ini dan pemangkin kejayaan KBBM, hasil pelaksanaan inisiatif strategik bersama rakan industri dalam rangkaian peruncitan fizikal dan platform pemasaran dalam talian," ujarnya.

Kempen Lokal Lagi Gempak akan berlangsung di semua cawangan Mydin seluruh negara sehingga 31 Disember ini.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 21 NOVEMBER 2025

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
21-Nov	Kepercayaan pacu pertumbuhan e-dagang ASEAN	https://www.bharian.com.my/amp/bisnes/lain-lain/2025/11/1474114/kepercayaan-pacu-pertumbuhan-e-dagang-asean	BERITA HARIAN
21-Nov	Pengguna belum sedar keperluan guna aplikasi ecoss untuk beli minyak masak subsidi	https://negerikita.org/pengguna-belum-sedar-keperluan-guna-aplikasi-ecoss-untuk-beli-minyak-masak-subsidi/	NEGERI KITA
21-Nov	928,037 Pengguna telah Memuat Turun dan Menggunakan Aplikasi eCOSS sejak Dilancarkan Ogos 2025	https://malaysiaaktif.my/2025/11/928037-pengguna-telah-memuat-turun-dan-menggunakan-aplikasi-ecoss-sejak-dilancarkan-ogos-2025/	MALAYSIA AKTIF
21-Nov	MTL: Pemborong, peruncit dibenar simpan 30 peratus bekalan makanan	https://malaysiagazette.com/2025/11/20/mtl-pemborong-peruncit-dibenar-simpan-30-peratus-bekalan-makanan/	MALAYSIA GAZETTE
21-Nov	Tengkujuh: Pemborong, peruncit dan pengilang diberi kenaikan 30 peratus stok barangan	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/11/tengkujuh-pemborong-peruncit-dan-pengilang-diberi-kenaikan-30-peratus-stok-barangan/	UTUSAN
21-Nov	MTL: 2,102 Pemborong, Peruncit Dan Pengilang Dibenar Tambah 30 Peratus Bekalan Makanan	https://www.bernama.com/misc/rss/news.php?id=2493230	BERNAMA
21-Nov	Tambahan stok 30 peratus kepada 2,102 peruncit, pemborong hadapi MTL	https://www.kosmo.com.my/2025/11/20/tambahan-stok-30-peratus-kepada-2102-peruncit-pemborong-hadapi-mtl/	KOSMO
21-Nov	Tengkujuh: Pemborong, peruncit, pengilang dibenar tambah stok simpanan hingga 30 peratus	https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2025/11/1290130/tengkujuh-pemborong-peruncit-pengilang-dibenar-tambah-stok-simpanan-hingga	HARIAN METRO

21-Nov	MTL: Pemborong, peruncit dibenar simpan 30 peratus bekalan makanan	https://malaysiagazette.com/2025/11/20/mtl-pemborong-peruncit-dibenar-simpan-30-peratus-bekalan-makanan/	MALAYSIA GAZETTE
21-Nov	KPDN benar pemborong tambah stok 30% pada musim tengkujuh	https://www.suarakeadilan.my/post/kpdn-benar-pemborong-tambah-stok-30-pada-musim-tengkujuh	SUARA KEADILAN
21-Nov	Mydin perkasa produk tempatan menerusi kempen 'Lokal Lagi Gempak'	https://www.sinarharian.com.my/article/757514/bisnes/mydin-perkasa-produk-tempatan-menerusi-kempen-lokal-lagi-gempak	SINAR HARIAN